

**Maklumat Pesakit
JEVTANA® (JEV-TA-NA)
(cabazitaxel)**

Suntikan

Baca Maklumat Pesakit ini sebelum anda menerima JEVTANA dan setiap kali sebelum anda menerima infusi. Mungkin terdapat maklumat baru. Maklumat ini tidak boleh menggantikan perbincangan dengan doktor tentang keadaan kesihatan atau rawatan anda.

**Apakah maklumat paling penting yang patut saya ketahui tentang JEVTANA?
JEVTANA mungkin menyebabkan kesan sampingan serius yang termasuk:**

1. Sel darah putih rendah. Kiraan sel darah putih yang rendah boleh menyebabkan anda mendapat jangkitan serius, dan boleh mengakibatkan kematian. Orang yang berusia lebih 65 tahun kemungkinan lebih besar mengalami masalah ini. Doktor anda:

- akan melakukan ujian darah dari masa ke masa untuk memeriksa kiraan sel darah putih anda semasa rawatan dengan JEVTANA.
- boleh mengurangkan dos JEVTANA anda, menukar cara anda menerimanya, atau menghentikan JEVTANA sehingga doktor membuat keputusan bahawa anda mempunyai sel darah putih yang mencukupi.
- boleh memberikan ubat kepada anda yang dinamakan G-CSF, untuk membantu mencegah kerumitan jika kiraan sel darah putih anda terlalu rendah.

Beritahu doktor anda segera jika anda mengalami mana-mana gejala jangkitan apabila menerima JEVTANA:

- demam. Ambil suhu anda secara kerap sepanjang rawatan dengan JEVTANA.
- batuk
- rasa sakit semasa buang air kecil
- sengal otot

Di samping itu, beritahu doktor jika anda mengalami cirit-birit pada masa kiraan sel darah putih anda adalah rendah. Doktor anda boleh mengesyorkan rawatan yang anda perlukan.

2. Reaksi alah serius. Reaksi alah serius boleh berlaku dalam masa beberapa minit selepas infusi JEVTANA anda bermula, khususnya semasa infusi pertama dan kedua. Doktor anda seharusnya memberikan ubat preskripsi sebelum setiap infusi untuk membantu mencegah reaksi alah.

Beritahu doktor atau jururawat anda serta-merta jika anda mengalami mana-mana gejala ini atau reaksi alah yang lebih serius sejurus selepas infusi JEVTANA:

- ruam atau gatal-gatal
- kemerahan kulit

- rasa pening atau hendak pingsan
- masalah bernafas
- rasa sesak di dada atau tekak
- bengkak muka

3. Gejala gastrousus. Muntah dan cirit-birit boleh berlaku apabila anda mengambil JEVTANA. Muntah dan cirit-birit teruk dengan JEVTANA boleh menyebabkan kehilangan terlalu banyak bendalir badan (penyahhidratan), atau terlalu banyak garam badan (elektrolit). Kematian akibat cirit-birit dan kehilangan garam badan berikutan infusi JEVTANA pernah dilaporkan. Beritahu doktor anda jika anda muntah atau mengalami cirit-birit. Doktor anda akan memberikan ubat untuk mencegah atau merawat cirit-birit, apabila perlu dengan rawatan JEVTANA. Beritahu doktor jika gejala anda bertambah buruk atau keadaan anda tidak bertambah baik. Anda mungkin perlu pergi ke hospital untuk rawatan.

4. Kegagalan buah pinggang. Kegagalan buah pinggang mungkin berlaku dengan rawatan JEVTANA, kerana jangkitan serius, kehilangan terlalu banyak cecair badan (penyahhidratan), dan sebab lain yang mungkin menyebabkan kematian. Doktor anda akan memeriksa anda untuk memantau masalah ini dan merawat anda sekiranya perlu. Beritahu anda jika anda mengalami:

- bengkak di muka dan badan
- pengurangan jumlah air kencing yang dihasilkan badan setiap hari

Apakah JEVTANA?

JEVTANA ialah sejenis ubat anti-kanser preskripsi yang digunakan bersama ubat steroid prednisone atau prednisolone. JEVTANA digunakan untuk merawat penghidap kanser prostat yang telah bertambah teruk (menular) selepas rawatan dengan ubat antikanser lain, termasuk docetaxel.

Keselamatan dan kesesuaian JEVTANA untuk kegunaan kanak-kanak tidak diketahui.

Siapa yang tidak patut menerima JEVTANA?

Anda tidak boleh mengambil JEVTANA jika:

- Kiraan sel darah putih (kiraan neutrofil) anda terlalu rendah
- Anda telah menerima reaksi alah teruk kepada cabazitaxel atau ubat lain yang mengandungi polysorbat 80. Tanya doktor anda jika anda tidak pasti.

Apa yang patut saya beritahu doktor sebelum menerima JEVTANA?

Sebelum menerima JEVTANA, beritahu doktor anda jika anda:

- pernah mengalami reaksi alah pada masa lepas
- mengalami masalah buah pinggang atau hati
- berusia lebih 65 tahun
- mempunyai sebarang masalah perubatan lain
- jika anda wanita dan:
 - o sedang hamil atau bercadang untuk hamil. JEVTANA boleh membahayakan bayi anda yang belum lahir. Beritahu doktor anda tentang cara terbaik untuk mencegah kehamilan semasa anda menerima JEVTANA.

- o sedang menyusukan bayi atau merancang untuk menyusukan bayi. Adalah tidak diketahui sama ada JEV TANA memasuki susu badan anda. Anda dan doktor anda perlu menentukan jika anda akan mengambil JEV TANA atau terus menyusukan bayi. Anda tidak boleh melakukan kedua-dua sekali.

Beritahu doktor anda tentang ubat yang anda ambil, termasuk ubat preskripsi dan bukan preskripsi, vitamin, dan pemakanan tambahan herba. JEV TANA boleh berinteraksi dengan pelbagai ubat lain. Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa bertanya doktor anda dulu. Doktor anda akan menasihati anda mengenai keselamatan pengambilan ubat baru dengan JEV TANA.

Bagaimana saya akan menerima JEV TANA?

- JEV TANA akan diberikan kepada anda menerusi infusi intravena (IV) ke dalam vena.
- Rawatan anda akan mengambil masa 1 jam.
- JEV TANA biasanya diberikan setiap 3 minggu. Doktor anda akan menentukan berapa kerap anda menerima JEV TANA.
- Doktor anda juga akan memberikan satu lagi ubat yang dinamakan prednisone atau prednisolone, untuk diambil menerusi mulut setiap hari semasa rawatan dengan JEV TANA. Doktor anda akan memberitahu anda bila dan bagaimana untuk mengambil prednisone atau prednisolone.

Anda perlu mengambil prednisone atau prednisolone betul-betul seperti yang diterangkan oleh doktor. Jika anda lupa untuk mengambil prednisone atau prednisolone, atau tidak mengambilnya mengikut jadual, pastikan anda memberitahu doktor atau jururawat. Sebelum setiap infusi JEV TANA, anda boleh menerima ubat lain untuk mencegah atau merawat kesan sampingan.

Apakah kesan sampingan yang mungkin dialami dengan JEV TANA?

JEV TANA boleh menyebabkan kesan sampingan serius yang termasuk:

- Lihat “Apakah maklumat paling penting yang patut saya ketahui tentang JEV TANA?”

Kesan sampingan umum JEV TANA termasuk:

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Kiraan sel darah merah rendah (anemia). Doktor anda akan memeriksa sel darah merah anda dari masa ke masa. Gejala anemia termasuk sesak nafas dan keletihan. • Kiraan platlet darah rendah. Beritahu doktor anda jika anda mengalami sebarang lebam atau pendarahan. • keletihan • loya • sembelit • kelemahan • darah dalam air kencing. Beritahu doktor atau jururawat jika anda melihat darah dalam air kencing • sakit belakang • kurang selera makan | <ul style="list-style-type: none"> • demam • sesak nafas • sakit perut (abdomen) • perubahan dalam cita rasa • batuk • sakit sendi • keguguran rambut • kebas, sesemut, pedih atau kurang peka pada tangan atau kaki |
|--|--|

Beritahu doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang mengganggu anda atau yang berlarutan.

Senarai ini tidak mengandungi semua kesan sampingan JEVTANA. Untuk maklumat lanjut, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Hubungi doktor anda untuk nasihat perubatan tentang kesan sampingan.

Maklumat umum mengenai JEVTANA

Ubat kadangkala diberikan untuk tujuan selain daripada yang disenaraikan dalam risalah Maklumat Pesakit.

Risalah ini meringkaskan maklumat paling penting tentang JEVTANA. Jika anda memerlukan maklumat lanjut, hubungi doktor anda. Anda boleh meminta ahli farmasi atau doktor untuk maklumat lanjut tentang JEVTANA yang ditulis untuk profesional kesihatan.

Apakah ramuan JEVTANA?

Ramuan aktif: cabazitaxel

Ramuan inaktif: polysorbate 80

sanofi-aventis U.S. LLC

Bridgewater, NJ 08807

Diterbitkan Jun 2010

JEVTANA® ialah tanda dagangan sanofi-aventis

©2010 sanofi-aventis U.S. LLC